

Nama :

## SEKOLAH KEBANGSAAN

### UJIAN SEMESTER 1 TAHUN 2017

BAHASA MELAYU TAHUN 3 – PENULISAN .

012

1  $\frac{1}{4}$  jam

Satu jam lima belas minit

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. Tulis nama kamu pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi bahagian soalan iaitu **Soalan A, B, C,** dan **Soalan E**
3. Kamu dikehendaki menjawab kesemua soalan.
4. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.

Untuk Kegunaan Pemeriksa	
Kod Pemeriksa :	
No. Soalan	Markah
<b>A</b>	
<b>B</b>	
<b>C</b>	
<b>D</b>	
<b>E</b>	
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

( Lihat halaman sebelah

**A:** Lengkapkan ayat di bawah dengan menggunakan perkataan yang diberi.



membina

membawa

berkelah

makan

bermain

1. Ah Seng \_\_\_\_\_ bersama-sama kawannya.
2. Abdul Hadi \_\_\_\_\_ layang-layang di tepi pantai.
3. Aiman dan abangnya sedang \_\_\_\_\_ istana pasir.
4. Puan Rita hendak \_\_\_\_\_ bersama-sama keluarganya.
5. Denial Lim \_\_\_\_\_ sebiji pelampung yang baru disewanya.

**B:** Baca petikan dan isikan tempat kosong dengan perkataan yang diberi.



pasu

pokok


rumah

minggu

sampah

Setiap hujung \_\_\_\_\_, Nita dan keluarganya membersihkan persekitaran rumah mereka. Ayahnya menyusun \_\_\_\_\_ bunga. Abangnya menyapu \_\_\_\_\_ dan daun-daun kering. Ibu Nita mencuci pintu pagar. Nita pula menyiram \_\_\_\_\_ bunga. Nita berasa sangat gembira. Kawasan \_\_\_\_\_ mereka bersih.

6. Lengkapi karangan di bawah, gunakan perkataan yang diberi.



mengirim

berharga

menghantar

peti surat

menyimpan

Asrul pergi ke pejabat pos. Keadaan di pejabat pos begitu sibuk. Banyak orang yang beratur. Ada yang hendak \_\_\_\_\_ wang. Ada yang hendak \_\_\_\_\_ bungkusan.

Asrul hendak \_\_\_\_\_ surat. Dia membeli sekeping setem. Setem itu \_\_\_\_\_ 50 sen. Dia meletakkan setem itu pada sampul surat. Kemudian, dia memasukkan surat itu ke dalam \_\_\_\_\_.


**C:** Susun perkataan supaya menjadi ayat yang betul.



1. bola sedang Meraka sekolah bermain di padang

---

---



2. basikal adik baru sebuah Ayah menghadiahkan

---

---



3. kami sedang menyediakan masakan Emak untuk sekeluarga

---

---

**D:** Isikan tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.



kerusi	ubat	gigi	sekolah	gusi
geraham	mencabut	doktor	klinik	kaunter

Farah sakit \_\_\_\_\_. Dia tidak dapat pergi ke \_\_\_\_\_ kerana giginya sakit sangat. Bapanya membawa Farah ke \_\_\_\_\_ gigi. Setelah sampai, Farah mendaftarkan namanya di \_\_\_\_\_.

Sementara menunggu giliran, Farah dan bapanya duduk di \_\_\_\_\_ yang disediakan. Kemudian, \_\_\_\_\_ memeriksa gigi Farah. Gigi \_\_\_\_\_ Farah berlubang dan sudah rosak.

Doktor menyuntik \_\_\_\_\_ kebas pada \_\_\_\_\_ Farah. Lebih kurang dua puluh minit kemudian, doktor pun \_\_\_\_\_ gigi geraham Farah.

E: Baca petikan . Kemudian tulis semula dengan membetulkan kesalahan huruf besar .

hari ini, Sekolah Kebangsaan Desa Permai mengadakan sukan tahunan . semua murid dan guru berkumpul di padang. mereka berhimpun mengikut pasukan masing masing iaitu rumah merah, rumah biru, rumah kuning, rumah ungu dan rumah hijau.

ramai ibu bapa yang datang untuk melihat anak anak mereka menyertai acara sukan itu. mereka duduk di bawah khemah yang disediakan. pelbagai acara dipertandingkan murid-murid yang menang menerima hadiah daripada guru besar Puan Rafeah .

